

Memperkasakan pelajar di SMK Subang untuk mempelajari IT dan sains komputer melalui Google for Education



Sekolah - sekilas pandang

SMK Subang merupakan sebuah sekolah awam di Shah Alam yang terdiri daripada 159 pekerja dan 2,810 pelajar. Ia adalah salah sebuah sekolah yang menikmati manfaat melalui kerjasama dengan Google For Education untuk merapatkan jurang pembelajaran digital melalui inisiatif Cerdik, program utama kerajaan yang menyediakan peranti, akses kepada data dan kemampuan untuk berhubung kepada pelajar sekolah yang terpinggir.

Latar Belakang

SMK Subang terpaksa menggunakan kaedah e-pembelajaran apabila wabak Covid-19 melanda. Walaupun sekolah ini menggunakan platform e-pembelajaran sedia ada, peranti yang digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran seperti projektor LCD dan komputer, tidak mampu menyokong pembelajaran dalam talian dengan sepenuhnya.



Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia ([DELIMa](#)) kepada SMK Subang pada Jun 2020 — platform pembelajaran dalam talian yang memberikan sekolah ini akses kepada alatan [Google Workspace for Education](#). Pihak sekolah mengambil masa tujuh hari untuk beralih sepenuhnya kepada menggunakan DELIMa untuk pembelajaran dalam talian.

Pada tahun berikutnya, sekolah ini menerima sebanyak 401 [Chromebooks](#) di bawah Program Cerdik Kementerian Pelajaran Malaysia bagi pelajar Tingkatan 3 yang terpilih daripada keluarga berpendapatan rendah.

Guru Matematik dan Data, Puan Farahiyah, menyedari bahawa peralihan ini menyediakan persekitaran berkonsepkan sekolah maya, membolehkan setiap guru dan pelajar melaksanakan sesi pelajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Beliau juga mendapati penggunaan Chromebook mewujudkan lebih banyak peluang untuk pelajar perempuan mempelajari IT dan sains komputer.





Cabaran

Apabila wabak Covid-19 mula melanda pada awal 2020, sebilangan besar pelajar sukar untuk menghadiri sesi pelajaran secara maya serta mengakses bahan pembelajaran dalam talian dari rumah kerana kekurangan peranti pembelajaran peribadi.

Tambahan pula, kebanyakan pelajar kurang arif dalam menggunakan alatan IT, menyebabkan mereka tidak berkeyakinan untuk meneroka perkara yang berkaitan dengan teknologi. Satu-satunya pendedahan mereka terhadap penggunaan teknologi adalah menerusi komputer sekolah, yang hanya dilengkapi dengan perisian luar talian.

Dengan ramai pelajar tidak dapat mengakses tugas mereka dari jauh, prestasi akademik mula merosot. "Sedih sangat melihat pelajar saya ketinggalan di sekolah kerana kurangnya peluang dalam teknologi ini," kata Cikgu Farahiyah.



Dengan Google Classroom, ia lebih mudah untuk menyerahkan tugas serta melihat prestasi tugas yang diberi. Dan dengan Chromebook, saya sentiasa mempunyai akses kepada semua alatan menarik Google. Tambahan pula, ia mesra pengguna dan mudah untuk digunakan oleh sesiapa sahaja.

Reshma a/p Loganathan,
Pelajar, SMK Subang



Penyelesaian

Apabila Google Workspace for Education diperkenalkan pada pertengahan 2020 dan Chromebook pada pertengahan 2021, mencetuskan perbezaan yang ketara dalam membolehkan pembelajaran dilakukan dari jauh. Peningkatan pendedahan terhadap alatan digital juga mengukuhkan kemahiran IT dan prestasi akademik para pelajar, serta meyakinkan mereka untuk meneroka bidang baharu dalam industri IT. Setelah menerima Chromebook, hampir 80% pelajar Tingkatan 3 mula menggunakannya secara tetap.


Menambah baik akses kepada pendidikan

Penyediaan akses kepada Chromebook serta alatan Google Workspace for Education membantu para pelajar beralih kepada pembelajaran jarak jauh. "Chromebook mesra pengguna, selamat dan mudah digunakan," ujar Puan Farahiyah.

Selain itu, aplikasi kolaborasi seperti [Google Meet](#), [Google Jamboard](#) and [Google Sheets](#) menjadikan kelas lebih interaktif dan menarik. "Ini membantu lebih ramai pelajar untuk menyertai kelas," tambah Puan Farahiyah. "Bukan itu sahaja, pelajar lebih terdedah kepada teknologi dan kini lebih pandai menggunakan alatan digital."

Mendorong pelajar untuk mempelopori masa hadapan dalam bidang IT dan sains komputer

Setelah para pelajar mengenali [Google for Education](#), mereka mula menunjukkan minat dalam IT. Lama-kelamaan, Puan Farahiyah mendapati pelajar perempuannya semakin berminat untuk meneroka bidang IT pada masa hadapan. "Saya rasa, pelajar perempuan selesa berkongsi cita-cita mereka kerana melihat saya sebagai model wanita yang mahir bidang IT kepada mereka," kata Puan Farahiyah.





Salah seorang pelajarnya, Reshma a/p Loganathan, kini menggunakan Chromebook untuk mencari artikel tentang pengrograman bagi mengukuhkan pengetahuannya. Seorang lagi pelajar dan calon pengekod, Mogana Priya a/p Sathiamurthy juga menggunakan Chromebook untuk meningkatkan kemahiran pengekodannya dengan mencari artikel tambahan bagi menambah pengetahuannya. Selain daripada itu, Priya juga menggunakan Chromebook untuk mengedit foto dan imej yang secara tidak langsung juga membentuk kreativitinya.

Meningkatkan prestasi akademik

Dengan Google Workspace for Education dan Chromebook, pelajar kini mampu mengikuti kerja rumah dan kelas mereka. Hasilnya, pencapaian akademik mereka meningkat. Puan Farahiyah melaporkan: "10 daripada 20 orang pelajar dalam kelas memperoleh keputusan baik dari segi akademik."

Ringkasan

Google for Education menjadikan pembelajaran mudah diakses dan memupuk perasaan seronok untuk belajar pada kalangan para pelajar. Menerusi penggunaan Chromebook dan pelbagai aplikasi Google Workspace for Education yang konsisten, pelajar menjadi lebih yakin dan berminat dengan IT. Impak paling besar adalah ianya mendorong para pelajar perempuan SMK Subang untuk meneroka masa depan mereka dalam bidang IT dan sains komputer.

"Teknologi adalah cara kehidupan baharu," kongsi Puan Farahiyah. "Dan ia seharusnya mampu diakses oleh semua orang, tidak kira latar belakang mereka."



Sesetengah pelajar tidak mempunyai kemahiran IT. Namun selepas menerima Chromebook, mereka dapat meneroka maklumat secara bebas dan kemahiran IT mereka bertambah baik dalam jangka masa yang singkat. Jadi, dengan alatan digital, akses dan peranti yang sesuai, pelajar menjadi lebih ingin tahu untuk mempelajari sesuatu yang baharu; dan seterusnya dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran dan berasa lebih berkeyakinan. ”

Nor Farahiyah binti Abdul Rahman,
Guru Matematik dan Data, SMK Subang



Terokai bagaimana Google for Education membantu pendidik memanfaatkan cara baharu untuk belajar di edu.google.com/new-school